

Tarikh : 25 Februari 2008  
Masa : 8.30-9.30  
Kelas : Tahun 4 Anggerik  
Mata Pelajaran : Bahasa Melayu  
Tema : Kesihatan  
Tajuk : Pemakanan sihat

**Objektif:**

Pada akhir pelajaran, murid dapat:

1. Murid dapat melaksanakan arahan yang diberikan secara lisan cara untuk membuat sandwich berdasarkan menu yang disediakan [1.3 Aras 2 (i)]
  2. Murid dapat membaca kuat cara untuk membuat sandwich pada kadar sekurang-kurangnya 85 peratus sebutan betul. [5.1 Aras 3(i)]
  3. Murid dapat mengambil imlak sekurang-kurangnya lima ayat cara untuk membuat sandwich dengan menggunakan power point [9.1 Aras 3(i)]
- 1.3 Memberikan dan memahami arahan serta pesanan tentang sesuatu perkara.  
Aras 2
- i. Mendengar , menerima, dan melaksanakan arahan serta pesanan dengan betul, cepat, dan tersusun.
  - ii. Menyatakan panduan tunjuk arah kepada orang lain.
- 5.1 Membaca kuat perkataan dan ayat dengan sebutan dan intonasi yang betul dan memahami perkara yang dibaca.  
Aras 3
- i. Membaca petikan dengan sebutan dan intonasi yang betul dan menarik.
  - ii. Menjeaskan makna perkataan mengikut konteks.
- 9.1 Mengambil imlak bahan yang diperdengarkan.  
Aras 3
- i. Mengambil imlak imlak teks yang diperdengarkan dengan ejaan dan tanda baca yang betul.

Pengisian Kurikulum:

1. Ilmu: Pemakanan
2. Nilai: Bekerjasama, hormat-menghormati, menghargai warisan, tekun.
3. Kewarganegaraan: Memajukan bangsa
4. Peraturan sosiobudaya: Menggunakan bahasa secara bersantun
5. Kemahiran bernilai tambah:
  - i. Kemahiran berfikir
  - ii. Teknologi maklumat dan komunikasi
  - iii. Kemahiran belajar cara belajar
6. Pembelajaran kontekstual

TMK:

1. Struktur perpautan:

- i. Hierarki
- ii. Komposit

2. Kemahiran yang hendak dicapai oleh murid:

- i. Menggunakan alat rakaman movie maker
- ii. Power point

3. Cara pengajaran:

- i. Dalam talian
- ii. Luar talian

Pengetahuan sedia ada:

Murid pernah makan sandwich

Bahan bantu mengajar: roti, lepa keju, timun, pisau, papan pemotong, ikan tuna dalam tin, kad perkataan, kad imbasan, kertas mahjong, pen marker, komputer.

Kandungan	Strategi	Catatan
<ul style="list-style-type: none"><li>• Gambar: pelbagai makanan tempatan dan makanan daripada luar negara</li><li>• Tajuk Pelajaran: Pemakanan sihat.</li></ul>	<p>Set induksi (5 minit)</p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Guru menunjukkan gambar yang menunjukkan pelbagai jenis makanan.</li><li>2. Guru meminta murid menyatakan nama makanan yang mereka dapat lihat daripada gambar yang ditunjukkan.</li><li>3. Guru memberitahu murid tajuk pelajaran yang mereka akan pelajari.</li></ol>	
<p>Bahan membuat sandwich: : roti, lepa keju, timun, pisau, papan pemotong, ikan tuna dalam tin.</p> <p>Cara membuat sandwich: Rujuk lampiran</p>	<p>Langkah 1 (15 minit)</p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Guru meminta murid duduk dalam kumpulan berlima.</li><li>2. Guru menunjukkan bahan untuk membuat sandwich.</li><li>3. Guru membacakan menu cara membuat sandwich kepada pelajar dan pelajar diminta membuat sandwich berdasarkan arahan yang dibacakan oleh guru.</li><li>4. Murid dapat melaksanakan arahan yang diberikan secara lisan cara untuk membuat sandwich berdasarkan menu yang disediakan [1.3 Aras 2 (i)]</li></ol>	<p>Ilmu: Pemakanan</p> <p>Nilai: Bekerjasama</p> <p>Peraturan sosiobudaya: Bersopan menggunakan kata.</p>

Kandungan	Strategi	Catatan
<p>Alamat web: Disediakan oleh guru</p> <p>Kad perkataan: cermat, membazir, bucu, hancur.</p>	<p>Langkah 2 (15 minit)</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Guru memberikan murid alamat web cara untuk membuat sandwich.</li> <li>2. Secara berkumpulan, murid diminta meneliti dan membaca petikan secara luncuran.</li> <li>3. Guru menunjukkan kad perkataan yang mengandungi perkataan sukar.</li> <li>4. Murid diminta membaca menu secara berpasangan, berkumpulan, dan secara individu serta merakamkan bacaan mereka dengan menggunakan movie maker.</li> <li>5. Murid diminta mengelik pautan yang disediakan oleh guru berkaitan menu ringkas untuk menyediakan makanan.</li> <li>6. Murid diminta memilih salah satu daripada petikan, membaca dan merakamkannya dengan menggunakan movie maker.</li> <li>7. Murid dapat membaca kuat cara untuk membuat sandwich pada kadar sekurang-kurangnya 85 peratus sebutan betul. [5.1 Aras 3(i)]</li> </ol>	<p>Ilmu: Sains dan pemakanan</p> <p>Nilai: tekun</p> <p>KBT: Belajar cara belajar</p> <p>Struktur hierarki</p> <p>Patriotisme: menjaga kesihatan untuk memajukan negara.</p>
<p>Bahan: Jenis penyediaan makanan mudah.</p>	<p>Langkah 3 (20 minit)</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Dalam kumpulan, murid diminta mengelik bahan yang disediakan.</li> <li>2. Setelah memilih satu daripada prosedur menyediakan makanan, seorang murid diminta membacakan petikan yang berkenaan kepada kumpulannya.</li> <li>3. Murid yang lain diminta mencatat petikan yang didengar dengan menggunakan power point.</li> <li>4. Murid dapat mengambil imlak sekurang-kurangnya lima ayat cara untuk satu jenis makanan dengan menggunakan power point [9.1 Aras 3(i)]</li> </ol>	<p>Nilai: hormat-menghormati.</p> <p>Struktur: Komposit</p>
	<p>Penutup</p> <p>Kognitif:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Guru membuat rumusan tentang apa yang telah dipelajari oleh murid.</li> </ul> <p>Sosial</p> <p>Guru meminta murid bekerjasama mengemaskan kelas.</p>	